


TARIKH	19 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	19A	RUANGAN	Sefempat



KIRA
...Mohd Fadzil bersama Resah (kiri), dan Zaiton memeriksa duit riyal sementara menunggu waktu pelepasan.

'Tak putus asa merayu'

Lelaki dapat tunai haji setelah setiap hari ke Tabung haji mohon nama tersenarai



Lambaihan Kaabah

>>Oleh Fazurawati Che Loh
fazurawati@metro.com.my

KELANA JAYA: Keinginan menebal untuk mengerjakan haji menyebabkan seorang jemaah dari Taman Maluri Cheras tidak berputus asa membuat rayuan di Kompleks Tabung Haji sejak September lalu.

Bakal haji, Mohd Fadzil Ambar, 58, antara jemaah yang berlepas ke Tanah Su-

ci bagi menuaikan Rukun Islam terakhir bersama isteri, Zaiton Harun, 55, dan ibu saudara, Resah Yusof, 76.

Menurut beliau, selepas mengetahui hanya isteri dan ibu saudaranya saja yang mendapat tawaran itu, dia segera membuat rayuan sekiranya berasib baik dan berpeluang ke Makkah bersama mereka untuk menjalani ibadat itu.

"Boleh dikatakan hampir setiap hari saya ke kompleks Tabung Haji kerana begitu berharap nama disenaraikan sehingga kerani di bahagian pertanyaan mengenali saya."

"Sejam sebelum kompleks itu beroperasi, saya terpacak di hadapan bangunan itu

kerana mahu memastikan rayuan saya tersenarai antara jemaah yang pergi ke sana," katanya.

Katanya, setiap hari dia berdoa supaya rayuan dan usahanya termakbul kerana yakin hasrat yang mahu dilaksanakan itu sesuatu yang baik.

Bagaimanapun, dia reda sekiranya tiada rezeki untuk mengerjakan ibadat itu kerana semuanya bergantung kepada izin daripada Allah SWT.

Menurut Mohd Fadzil, dia bersyukur kerana usaha dan impiannya tercapai dan tidak sabar untuk melaksanakan ibadat haji dengan sesempurna mungkin serta berharap dapat menjaga Zaiton dan Resah sepanjang berada di sana.